

For immediate release

MEDIA STATEMENT

IDEAS argues that the government should be using new national poverty line income (PLI) for aid distribution

Kuala Lumpur, 07 October 2021 - The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) expressed concern over the statement by the Deputy Minister of Women, Family and Community Development, Siti Zailah Mohd Yusoff in Parliament on 6 October 2021 that welfare aid was deliberately distributed during the COVID-19 pandemic using an outdated metric for measuring poverty, namely the national poverty line income (PLI) with the excuse being that it would lessen the government's financial burden. IDEAS argues that using an outdated PLI to distribute aid was problematic.

IDEAS stresses that the PLI is important for it classifies which households and how many of them fall below the poverty line, thus requiring government assistance. The think tank notes that the PLI had been revised from RM980 to RM2,208 in July 2020, and that using the outdated PLI was problematic for several reasons.

For one, IDEAS believes that the amount of welfare aid being distributed based on the old PLI does not accurately reflect the real situation on the ground faced by Malaysians who are undergoing hardship and poverty, which means that not enough struggling Malaysians have been receiving the adequate amount that they need.

IDEAS CEO Tricia Yeoh comments, "The government's current fiscal predicament is no excuse to use outdated PLI figures. Government resources, especially during a time of crisis such as this global pandemic, should be prioritised towards people's needs and wellbeing. In addition, the government should be prioritising and targeting the poorest communities who have been most gravely affected. However, we do welcome the initiative by the government as stated in the 12th Malaysia Plan to further revise the PLI in 2022 in light of post-pandemic conditions. We stress the need to regularly revise the PLI to accurately reflect current prices."

IDEAS stressed that major decisions such as these should be made with transparency and accountability, and that the government should not unilaterally decide to use outdated metrics without meaningful consultation with poverty experts and academics. Furthermore, without transparency over how the decision was made, there is no external party who is able to keep the government accountable for this decision now that it has been implemented.

As Yeoh argues, “This revelation by the government will only further erode people’s trust in the government’s ability to lead Malaysia out of this pandemic, and undermines democratic accountability when we need it the most. It is incumbent on the government to adopt the new PLI to ensure its welfare policies have the maximum impact.”

--- END ---

About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia’s first independent think tank, free of personal interests and partisan influences. For more information, visit www.ideas.org.my.

For enquiries, please contact:

Zokhri Idris, Ph.D
External Relations Director
zokhri@ideas.org.my

Untuk siaran segera

KENYATAAN MEDIA

IDEAS bertegas kerajaan harus guna Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) nasional baharu untuk agihan bantuan

Kuala Lumpur, 7 Oktober 2021 - Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) menzahirkan kegusaran mengenai kenyataan oleh Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Siti Zailah Mohd Yusoff di Parlimen pada 6 Oktober 2021 bahawa bantuan kebijakan yang diagihkan ketika wabak COVID-19 dengan sengaja menggunakan pakai metrik lapuk untuk mengukur kemiskinan, iaitu Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) kerana akan mengurangkan beban kewangan pihak kerajaan. IDEAS menegaskan bahawa menggunakan PGK yang telah lapuk untuk mengagihkan bantuan amat bermasalah.

IDEAS menekankan bahawa PGK amat penting kerana ia mengelaskan isi rumah dan jumlah isi rumah yang berada di bawah garis kemiskinan, lantas memerlukan bantuan kerajaan. IDEAS mengambil maklum PGK ini telah dikemas kini dari RM980 kepada RM2,208 pada bulan Julai 2020, dan menggunakan PGK yang telah lapuk adalah amat bermasalah atas beberapa alasan.

Salah satunya adalah IDEAS percaya bahawa jumlah bantuan kebijakan yang diagihkan adalah berdasarkan PGK lapuk yang tidak membayangkan dengan tepat situasi sebenar yang dihadapi oleh rakyat Malaysia yang sedang mengalami kesusahan dan kemiskinan. Hal ini bermaksud kekurangan jumlah rakyat Malaysia yang sedang bergelut mendapat bantuan mencukupi yang mereka perlukan.

Ketua Pegawai Eksekutif IDEAS, Tricia Yeoh, mengulas, "Kesukaran fiskal semasa yang dihadapi kerajaan bukan satu alasan untuk menggunakan pakai PGK yang telah lapuk. Sumber kerajaan, terutamanya sewaktu krisis seperti wabak yang melanda dunia ketika ini, perlu mengutamakan keperluan dan kesejahteraan rakyat. Malah, kerajaan perlu mengutamakan serta menyasarkan komuniti termiskin yang paling terjejas. Namun, kami mengalu-alukan inisiatif kerajaan seperti yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 untuk menilai semula PGK pada tahun 2022 berdasarkan keadaan pasca wabak. Kami tekankan keperluan untuk melakukan penilaian semula PGK secara berkala untuk mencerminkan harga semasa."

IDEAS telah menekankan bahawa keputusan penting sebegini perlu dilakukan dengan penuh ketelusan dan pertanggungjawaban, serta kerajaan tidak seharusnya secara bersendirian mengambil keputusan untuk menggunakan pakai metrik lapuk tanpa melakukan perundingan dengan pakar kemiskinan dan ahli akademik. Tambahan pula, tanpa ketelusan terhadap cara keputusan tersebut diambil, tiada pihak luar yang mampu mempertanggungjawabkan kerajaan atas keputusan tersebut disebabkan ia telah pun dilaksanakan.

Yeoh menegaskan, "Pendedahan oleh pihak kerajaan ini akan hanya menambahkan lagi hakisan kepercayaan rakyat terhadap kemampuan kerajaan untuk memimpin Malaysia keluar daripada bencana wabak ini, serta menjelaskan pertanggungjawaban demokrasi pada ketika kita sangat memerlukannya. Kerajaan berkewajiban untuk mengguna pakai PGK baharu supaya dapat memastikan dasar kebijakan kerajaan mempunyai impak maksimum."

--- TAMAT ---

Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bukan berasaskan keuntungan, mengkhususkan kepada mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam, menumpukan kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang kompetitif, memastikan keyakinan dalam institusi, dan mempromosikan sebuah negara Malaysia yang merangkumi semua. IDEAS merupakan badan pemikir bebas pertama Malaysia, tanpa kepentingan peribadi serta pengaruh berpihak. Untuk maklumat lanjut, lawati www.ideas.org.my.

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Zokhri Idris, Ph.D

Pengarah Perhubungan Luar

zokhri@ideas.org.my